

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan dan persediaan pihak Kerajaan bagi menghadapi cubaan untuk mewujudkan halangan dagangan kepada industri minyak sawit negara oleh negara-negara dalam Kesatuan Eropah, yang telah mula melobi untuk menetapkan tahap bahan cemar di dalam minyak sawit menepati tahap 3-monochloropropane diol (3-MCPD).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri sawit sentiasa menghadapi pelbagai halangan yang boleh menjejaskan perdagangan dan eksport minyak sawit negara. Suruhanjaya Eropah (EC) pada 2018 telah mencadangkan penetapan dua (2) aras maksimum 3-MCPD bagi minyak sayuran dan lelemak, iaitu 1.25 *parts per million* (ppm) bagi *soft oil*, serta 2.50 ppm bagi minyak sawit, minyak sayuran dan lelemak lain.

Dalam hal ini, Malaysia mengambil maklum akan cadangan tersebut kerana pada masa ini, majoriti pemain industri sawit di Malaysia hanya mampu menghasilkan minyak sawit yang bermutu tinggi dan mematuhi kadar yang ditetapkan iaitu 2.50 ppm.

Namun, terdapat sebilangan kecil pengusaha yang mampu mengeluarkan minyak sawit dengan aras 3-MCPD yang lebih rendah jika diperlukan oleh pasaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) secara berterusan sedang menjalankan kajian bagi memastikan aras 3-MCPD dalam minyak sawit Malaysia dapat diturunkan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.